

03 APRIL 2018

Bina makmal proses dadah bawah tanah rumah sewa

Ms.60

Selasa, 3 April 2018 BH

→ JENAYAH

Bina makmal proses dadah bawah tanah rumah sewa

➔ Taktik sindiket edar barang terlarang terbongkar selepas ketua kumpulan ditahan

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
cnews@nstp.com.my

■ Kuala Lumpur

Bina makmal mini khas bawah tanah semata-mata untuk memproses dadah di rumah sewa.

Itu taktik sindiket pengedaran dadah yang aktif menjalankan kegiatan terbabit sejak empat bulan lalu di sekitar Lembah Klang.

Bagaimanapun, kegiatan itu terbongkar selepas polis menahan ketua kumpulan berkenaan dikenali sebagai Ah Tee berusia 40 tahun di sebuah hotel di Jalan Pudu, di sini, jam 5.30 petang, Khamis lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk

Seri Mazlan Lazim, berkata penahanan lelaki terbabit turut membawa kepada penemuan 14 paket dadah Methamphetamine dan 8 paket dadah heroin bernilai RM8,000 di dalam bilik hotel berkenaan.

"Hasil tangkapan itu, sepasukan polis daripada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur membuat serbuan di sebuah rumah teres di Taman Bukit Idaman, Batu Caves, Selangor, dipandu arah oleh suspek jam 9.30 malam, hari yang sama.

"Dalam serbuan itu, kami menahan empat lelaki berusia antara 30 hingga 52 tahun bersama lebih 17 kilogram serbuk dadah Methamphetamine selain satu paket dadah kanabis serta dadah Me-

thamphetamine dianggarkan bernilai RM1.26 juta di makmal mini bawah tanah itu," katanya pada sidang media di IPK Kuala Lumpur, di sini, hari ini.

Mazlan berkata, siasatan mendapati sindiket itu membina sebuah ruang khas di bawah tanah dalam rumah terbabit yang mampu memuatkan 20 individu pada satu masa yang dikhususkan untuk memproses dadah.

"Ketika serbuan dijalankan, mereka baru saja selesai menghantar bekalan dadah berkenaan kepada beberapa orang tengah di sekitar Lembah Klang.

"Dadah Methamphetamine yang diproses sindiket berkenaan dijual pada harga RM70,000 bagi setiap kilogram dan difahamkan dadah

itu dibekalkan ke pusat hiburan elit sekitar Lembah Klang," katanya.

Suspek direman tujuh hari

Beliau berkata, semua suspek direman selama tujuh hari bermula 30 Mac hingga 5 April nanti untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Kami masih memburu beberapa ahli kumpulan ini yang masih bebas.

"Operasi berterusan akan dilaksanakan dalam usaha membasmi masalah dadah di ibu kota ini.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kegiatan dadah di ibu kota ini boleh menghubungi balai polis berhampiran untuk tindakan lanjut," katanya.



Mazlan menunjuk dadah jenis methamphetamine yang dirampas pada sidang media di IPK Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO SALHANI IBRAHIM/BH)